

01/05/2003

Kilang kereta Honda Pegoh simbol kepesatan ekonomi Melaka

KILANG pengeluaran kereta Honda yang ke-20 di dunia yang terletak di Pegoh, boleh dianggap simbol kepesatan ekonomi Melaka terutama bagi daerah

Alor Gajah.

Terletak di Taman Perindustrian Hicom Pegoh seluas 32 hektar, kilang Honda Malaysia Sdn Bhd dibahagikan kepada tiga zon - kilang utama yang menempatkan kemudahan pemasangan completely-knocked-down (CKD) atau kereta

dipasang sepenuhnya dan bangunan sampingan; kilang constant velocity joint

(CVJ) atau sambungan halaju malar yang lebih dikenali sebagai drive shaft

atau aci pacu; dan pusat pemeriksaan sebelum penghantaran (PDI).

Selain pemasangan kereta, kilang berkenaan berfungsi penting dalam pengeluaran dan eksport komponen bagi rangkaian global Honda, selepas pemilihannya sebagai kilang pengeluaran aci pacu keempat Honda di seluruh dunia.

Tiga kilang lain terletak di Jepun, Amerika Syarikat dan Belgium. Kilang

CVJ Honda Malaysia Sdn Bhd bernilai RM20 juta akan mengeluarkan komponen CVJ untuk dieksport ke kilang-kilang Honda lain di seluruh dunia.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Honda Malaysia Sdn Bhd, Seiji Kuraishi, berkata kilang CVJ Honda Pegoh kini berkeupayaan mengeluarkan 80,000 set aci pacu kereta setahun dan dijangka meningkat kepada 173,000 set menjelang tahun depan.

"Tambahan pengeluaran aci pacu ini dijangka menghasilkan jualan kira-kira RM900 juta menjelang tahun 2005," katanya.

Untuk menjaga nama baik Honda sebagai perintis dalam teknologi kereta, kemudahan kilang pengeluaran kereta Honda di Pegoh dibina menyamai kilang

Honda lain di seluruh dunia.

Ia meliputi keanggunan reka bentuk seni bina dan kelengkapan canggih untuk memastikan semua kegiatan pengilangan dan pengeluaran mematuhi piawaian mutu global Honda.

"Kini, dengan pembukaan rasmi kilang bertaraf dunia yang sudah beroperasi sepenuhnya ini, Honda berharap memperkukuhkan lagi kedudukan pasarannya di Malaysia dan meluaskan kegiatannya secara strategik untuk memenuhi permintaan serantau dan global," katanya.

Majlis perasmian kilang pengeluaran kereta Honda di Pegoh disempurnakan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Januari lalu.

Turut menyaksikan majlis itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan

Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Pengerusi Honda Malaysia Sdn Bhd, Tan Sri Mohd Salleh Sulong,

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Honda Motor Company Limited,
Hiroyuki
Yoshino serta Presiden dan Ketua Pegawai Operasi Honda Malaysia Sdn Bhd,
Syed Hisham Syed Wazir.

Honda Malaysia adalah usaha sama Honda Motor Company Limited dari
Jepun
dengan 51 peratus ekuiti manakala syarikat gergasi kereta tempatan, DRB-
Hicom Berhad dan Oriental Holdings Bhd masing-masing memiliki 34 dan 15
peratus ekuiti.

Sebagai pengeluar kereta terkenal, strategi Honda ialah menggunakan
rangkaiannya globalnya untuk berada di barisan depan pasaran kereta dunia
yang kini terpahat dalam wawasan korporatnya 'Made by Global Honda'.

Konsep 'Made by Global Honda' membuktikan komitmen Honda Malaysia Sdn
Bhd bukan sekadar untuk memenuhi harapan pelanggan, tetapi juga
memberikan
lebih daripada kepuasan yang diharapkan dengan meningkatkan kecekapan
dan
menjamin piawaian mutu paling tinggi bagi semua produk dan
perkhidmatannya.

Sementara itu sebagai memenuhi segmen kereta bersaiz sederhana, Honda
Malaysia Sdn Bhd telah melancarkan Honda City serba baru di Seri
Kembangan, Jumaat lalu.

Model terbaru yang dikeluarkan di kilang pemasangan di Pegoh dijangka
mendapat sambutan hangat pengguna sekali gus membolehkan Honda Malaysia
berupaya merampas bahagian lebih besar dalam pasaran kereta penumpang
tempatan.

Honda Malaysia menjangka dapat menjual 5,000 unit Honda City baru
sepanjang tahun ini.

Dengan ini jelas, kewujudan Honda Malaysia Sdn Bhd di Alor Gajah bukan
saja merencanakan pengeluaran kereta dan komponen untuk pasaran domestik
dan global, malah lebih penting dapat menyediakan peluang pekerjaan
kepada
anak tempatan serta sebagai pemangkin pertumbuhan.